

20hb November 2019

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN PERTAMA
PENSIJILAN RSPO (P&C).**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

Felda Global Venture (FGV), telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – MALAYSIA NATIONAL INTERPRETATION (MYNI) Nov 2019 dan RSPO Supply Chain Certification Standard (21st November 2014) revised on 14th June 2017.

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **20hb Disember 2019** dan berakhir pada **24hb Disember 2019**. Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 20hb Disember 2019
Masa : 11.00 pagi to 01.00 petang
Lokasi : FGVPI SB Kilang Sawit Nilam Permata, Lahad Datu, Sabah.

Nota*: Sekiranya pihak Tuan /Puan tidak dapat menghadiri mesyuarat penilaian, pihak Tuan/Puan disarankan untuk bertemu Juruaudit dan memaklumkan sebarang ulasan ketika sesi audit berkenaan berlangsung.

Syarikat Pemohon	FGVPI SB Kilang Sawit Nilam Permata
RSPO Membership	1-0225-16-000-00 (Ordinary Member)

Butiran Pemohon	Ameer Izyanif Bin Hamzah Level 20, West Wisma FGV, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur, Malaysia ameer.h@fgvholdings.com / www.fgvholdings.com
------------------------	--

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	FGV beroperasi di lebih daripada 10 buah negara di seluruh Asia, Timur Tengah, Amerika Utara, dan Eropah, dan memberi tumpuan kepada tiga sektor utama: Perniagaan Ladang, Gula dan Logistik & Sokongan. Diperbadankan pada tahun 2007 sebagai syarikat berhad swasta, FGV secara rasmi menukar namanya kepada FGV Holdings Berhad pada Jun 2018. Disokong dengan lebih daripada 45,000 tenaga kerja dan kepakaran industri selama 50 tahun, FGV komited untuk terus memacu perniagaan yang mampan dan menguntungkan sambil memberikan nilai kepada pemegang kepentingan kami terutama pekebun kecil kami.
--	--



MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
FGVPISB KILANG SAWIT NILAM PERMATA	60	Peti Surat No.23, Pos Cenderawasih, 91150, Lahad Datu, Sabah	119°00'34"E	5°17'27"N	34,700	9,800

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
FGVPM SAHABAT 50	Ladang Sahabat 50, Peti Surat No. 50, 91150, Cendrawasih Lahad Datu, Sabah	119°00'07"E	5° 9' 6" N	3,679.38	3,437.98	57,139
FGVPM SAHABAT 51	Ladang Sahabat 51, Peti Surat No. 51 91150, Cendrawasih Lahad Datu, Sabah	119°00'04"E	5°9'6"N	2,538.36	2,283.13	35,806
FGVPM SAHABAT 52	Ladang Sahabat 52, Peti Surat No. 52, 91150, Cendrawasih Lahad Datu, Sabah	118°59'10"E	5°17'58"N	2,296.80	1,993.72	38,419
FGVPM SAHABAT 53	Ladang Sahabat 53, Peti Surat No. 53, 91150, Cendrawasih Lahad Datu, Sabah	119 03'22"E	5° 19' 24"N	2,060.13	1,892.68	33,198
FGVPM SAHABAT 54	Ladang Sahabat 54, Peti Surat No. 54, 91150, Cendrawasih Lahad Datu, Sabah	119°03'22"E	5° 19' 24"N	1,768.08	1,615.63	29,470
Total				12,342.75	11,223.14	194,032

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Mohd Fadzli bin Bistamam (Ketua Juruaudit)

Kelayakan lepasan ijazah dalam Kejuruteraan Pertanian dengan lebih daripada 7 tahun pengalaman bekerja dalam Industri Ladang Kelapa Sawit. Lebih daripada 7 tahun pengalaman bekerja di Industri Ladang Kelapa Sawit dengan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengalaman menguruskan pekerja ladang, pengendalian mineral dan tanah gambut dan berpengalaman dalam kawalan kimia rumpai dan Perosak & Dieses di Sektor Perladangan Kelapa Sawit. Dilatih sepenuhnya dalam program pensijilan pertanian yang serupa seperti MSPO dan ISCC. Dilengkapkan dan diperakui dalam ISO 9001: 2015, Kursus Pemimpin Utama RSPO, Latihan MSPO dan Latihan Asas ISCC. Oleh itu menjadi Lead Auditor yang berkelayakan untuk program-program di atas.

Terlibat dalam Audit Kelestarian Kelapa Sawit sejak tahun 2016. Terlibat dalam audit yang dijalankan di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Ivory Coast, India dan Singapura. Boleh menulis dan bercakap dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Nanang Mualib (Juruaudit)

Pengalaman bekerja di sektor perhutanan selama 5 tahun (2000-2004) sebagai ketua bahagian kemapanan. Memegang Ijazah Sarjana Muda Kehutanan dari Institut Pertanian Bogor. Terlibat dalam pengauditan RSPO sejak 2010 untuk pelbagai syarikat di Indonesia & Malaysia untuk aspek Environmental & Social. Lulus RSPO P&C Lead Auditor Course oleh Proforest pada 2015.

Menghadiri latihan pengenalan HCV, pernah diluluskan oleh RSPO HCV Assessor, pengkompil dokumen alam sekitar dan menghadiri latihan pengurusan alam sekitar.

Mohd Razin Bakal (Juruaudit)

Siswazah dalam Ijazah Perakaunan daripada Universiti Putra Malaysia. Mempunyai 17 tahun pengalaman bekerja dalam pelbagai bidang di Malaysia, Afrika dan Indonesia. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup dalam operasi ladang kelapa sawit termasuk pentadbiran ladang, penyediaan bajet, pembukaan kawasan hutan, tanaman baru, penubuhan tapak semaian, pengurusan, penuaian dan penyelenggaraan ladang, keselamatan dan kesihatan, perjalanan kenderaan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Terlibat dalam pengauditan MSPO sejak 2018. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO 2530: 2013, ISO 14001: 2015 dan ISO 9001: 2015 daripada Sirim Berhad. Lulus RSPO P&C Lead Auditor Course untuk standard 2018 oleh Checkmark. Ahli pasukan RSPO & MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.



Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Nombor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekina. Terima kasih.

Yang benar,



Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd